

Kempen Pelanggan PruBSN Aspirasi GIO+

Terma dan Syarat

- 1) Kempen PruBSN Aspirasi GIO+ (“**Kempen**”) ini ditawarkan oleh **Prudential BSN Takaful Berhad** (“**PruBSN**” atau “**kami**”). Melalui penyertaan anda dalam Kempen ini, Pelanggan yang Layak (seperti yang dimaksudkan dalam Klausa 3 di bawah) terikat dengan semua terma dan syarat Kempen ini dan Dasar Privasi kami yang boleh diakses di <https://www.prubsn.com.my/ms/privacy-policy/>.
- 2) Tempoh Kempen: **1 Oktober 2025** hingga **31 Mac 2026**, termasuk kedua-dua tarikh ini (“**Tempoh Kempen**”).
- 3) Syarat Kelayakan Kempen:
 - 3.1 **Pelanggan yang Layak** adalah pelanggan yang:
 - Menyertai sijil baharu (“**Bisnes Baharu**”) **PruBSN Aspirasi** yang memenuhi syarat seperti yang dinyatakan dalam Klausa 3.2 di bawah; dan
 - Menyerahkan borang cadangan dan **diterima oleh PruBSN** antara **1 Oktober 2025** hingga **31 Mac 2026** (termasuk kedua-dua tarikh ini).
 - 3.2 Sijil yang Layak akan tertakluk pada kriteria berikut:
 - **Had kempen GIO** adalah:
 - Sehingga RM500,000 setiap hayat bagi setiap pelan agensi: Layak untuk pelanggan berumur sehingga 60 tahun pada hari jadi akan datang (ANB) sahaja.
 - Sehingga RM200,000 setiap hayat bagi setiap pelan agensi: Layak untuk pelanggan berumur 61 hingga 65 tahun (ANB) sahaja. Tempoh perlindungan dibenarkan adalah sehingga 25 tahun sahaja.
(Had ini berkuatkuasa bermula dari 18 Oktober 2025).
 - Warganegara Malaysia, Penduduk Tetap, dan warga asing dari negara Kategori A sahaja.
 - Tiada rider dilampirkan pada sijil (kecuali Takaful Saver, Takaful Saver Kid, atau Ihsan Rider).
 - 3.3 Tertakluk kepada Terma dan Syarat, setiap Pelanggan yang Layak tidak perlu menjawab sebarang soalan kesihatan semasa proses Penerimaan Tawaran.
 - 3.4 Pelanggan yang layak boleh menyertai beberapa sijil PruBSN Aspirasi asalkan memenuhi terma dan syarat yang dinyatakan di dalam Klausa 3.2 di atas.
 - 3.5 Sekiranya Pelanggan yang Layak tidak memenuhi syarat kelayakan tawaran seperti dinyatakan dalam Klausa 3.2 di atas atau mana-mana klausa dalam Terma dan Syarat, Pelanggan yang Layak tidak akan layak untuk kempen ini dan piawai pengunderaitan penuh PruBSN akan diguna pakai.
- 4) Pelanggan yang Layak bertanggungjawab untuk mengekalkan ketepatan maklumat mereka yang diberikan kepada PruBSN pada setiap masa. PruBSN mungkin membuat permintaan yang munasabah untuk maklumat lanjut daripada Pelanggan yang Layak untuk menentukan kesahihan sebarang maklumat yang diberikan, termasuk sama ada ia adalah penipuan atau perihal berlebih-lebihan.
- 5) Semua hak, kepentingan, hak milik dan faedah Ganjaran adalah dianggap telah diserahkan kepada Pelanggan yang Layak setelah Ganjaran dikreditkan. Sekiranya Ganjaran tersebut dicuri atau hilang kerana sebarang sebab atau dalam sebarang keadaan, tiada penggantian akan dibuat oleh PruBSN kecuali jika peristiwa tersebut berpunca daripada PruBSN.
- 6) Ganjaran yang ditawarkan di sini tidak boleh dianggap sebagai perubahan kepada terma dan syarat sijil takaful yang diterima di mana semuanya adalah tertakluk pada pemrosesan standard atau pengunderaitan PruBSN.

- 7) Keputusan PruBSN terhadap pemberian Ganjaran tersebut adalah muktamad dan tertakluk pada terma dan syarat ini. Sebarang rayuan tidak akan dilayan.
- 8) PruBSN boleh menggantikan Ganjaran tersebut dengan barangan lain yang mempunyai nilai yang setara tanpa memberikan notis terlebih dahulu. Ganjaran Kempen tidak boleh dipindah milik, tidak boleh ditukar dan tidak boleh ditebus dengan wang tunai, kredit atau seumpamanya.
- 9) PruBSN boleh menolak sebarang penyertaan sekiranya mana-mana terma dan syarat Kempen ini tidak dipenuhi. Sebarang rayuan tidak akan dilayan.
- 10) Pelanggan yang Layak hendaklah mematuhi undang-undang anti-rasuah dan anti-korupsi yang berkenaan, termasuk *US Foreign Corrupt Practices Act*, *UK Bribery Act*, *Hong Kong Prevention of Bribery Ordinance*, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009, serta peraturan dan panduan yang berkaitan. PruBSN berhak membatalkan penyertaan Pelanggan yang Layak tanpa notis atas kegagalan mematuhi atau pelanggaran undang-undang berhubung dengan penyertaan Pelanggan yang Layak dalam Kempen ini.
- 11) Pelanggan yang Layak dan PruBSN bersetuju bahawa sebarang penggunaan dan pendedahan maklumat menurut Kempen ini adalah tertakluk kepada Personal Data Protection Act 2010 ("**PDPA**"). Pelanggan yang Layak dan PruBSN hendaklah mematuhi PDPA.
- 12) Tidak mengira apa yang bertentangan yang terkandung dalam Kempen ini,
 - a) Jika PruBSN mengetahui atau diberitahu bahawa Pelanggan yang Layak dinamakan dalam mana-mana senarai Sekatan, atau diancam untuk ditambahkan ke dalam senarai Sekatan*; atau
 - b) Jika PruBSN didapati melanggar kewajipan Sekatan akibat Kempen ini, PruBSN akan membatalkan kelayakan Pelanggan yang Layak berkuat kuasa serta-merta dan mengambil tindakan lain yang difikirkan sesuai oleh PruBSN, termasuk tetapi tidak terhad kepada memberitahu mana-mana pihak berkuasa kerajaan yang berkaitan tanpa notis dan liabiliti.

*"**Sekatan**" merujuk kepada apa-apa langkah sekatan yang dikenakan ke atas rejim, negara, kerajaan, entiti, individu dan industri yang disasarkan oleh badan atau kerajaan antarabangsa di Malaysia atau di luar Malaysia, termasuk tetapi tidak terhad kepada *Office of Financial Sanctions Implementation HM Treasury*, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, *European Union*, *US Treasury Department's Office of Foreign Assets Control* dan *Hong Kong Monetary Authority*.
 - c) Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, Klausula 13 ini, dan keupayaan PruBSN untuk membuat tuntutan terhadap Pelanggan yang Layak untuk sebarang kerugian yang mungkin ditanggung oleh PruBSN yang timbul daripada pengendalian Klausula 13 ini, akan kekal selepas penamatan atau tamat tempoh Kempen ini.
- 13) PruBSN mungkin membatalkan, menarik balik, menggantung, melanjutkan atau menamatkan Kempen sebelum tamat Tempoh Kempen, sepenuhnya atau sebahagian, pada bila-bila masa, tanpa notis. Untuk mengelakkan keraguan, pembatalan, pengeluaran, penggantungan, pelanjutan atau penamatan oleh PruBSN untuk Kempen tidak akan memberi hak kepada Pelanggan yang Layak untuk sebarang tuntutan atau pampasan terhadap PruBSN untuk sebarang dan semua kerugian atau kerosakan yang dialami atau ditanggung oleh Pelanggan yang Layak sama ada secara langsung atau tidak langsung akibat pembatalan, pengeluaran, penggantungan, pelanjutan atau penamatan tersebut.
- 14) PruBSN mungkin menambah, memadam, atau mengubah Terma dan Syarat Kempen sepenuhnya atau sebahagian pada bila-bila masa dengan memberikan notis terlebih dahulu kepada Pelanggan yang Layak. Cara

pemberitahuan (jika ada) adalah mengikut budi bicara PruBSN yang munasabah, termasuk tetapi tidak terhad kepada posting di laman web atau laman media sosial PruBSN, memaparkan notis di mana-mana cawangan PruBSN dan/atau apa-apa cara lain seperti yang ditentukan oleh PruBSN.

- 15) Terma dan syarat ini tertakluk kepada undang-undang di Malaysia dan bidang kuasa Mahkamah di Malaysia.
- 16) Terma dan syarat ini disediakan di dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai.